

**TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATUK TS. DR. HAJAH ROZIAH MOHD  
JANOR  
NAIB CANSOLOR UiTM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUPAN  
PROGRAM KERJAYA GRADUAN**

**23 FEBRUARI 2023 | KHAMIS| 11.00 PAGI  
LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT**

**Terima kasih saudara pengacara majlis;**

**Bismillahirrahmanirrahim,**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,**

**Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.**

**Yang Berusaha Encik Ismail Abi Hashim**

Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO)

Negeri Selangor

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohd Sazili Shahibi**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Yang Berhormat Dato' Mohd Imran Tamrin**

Presiden Majlis Belia Negeri Selangor

**Yang Berusaha Encik Jamalludin Haji Sulaiman**

Ketua Pustakawan UiTM;

**Timbalan-Timbalan Pengarah PERKESO Negeri  
Selangor;**

**Wakil-wakil Industri dan Komuniti,**

**serta staf, para pelajar dan hadirin sekalian.**

**[SALUTASI- KEMASKINI BERDASARKAN KEHADIRAN]**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama dalam **Majlis Penutup Program Kerjaya Graduan**.

2. Terlebih dahulu saya menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada **Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)** atas jalinan kolaborasi bersama **Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Negeri Selangor** dalam penganjuran **Program Kerjaya Graduan** yang bermula dari 21 hingga 23 Februari 2023.

3. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak majikan, industri, jabatan dan agensi yang komited bersama-sama menjayakan program ini. Saya dimaklumkan program ini berjaya menghimpunkan lebih **20 majikan** yang menawarkan lebih **5,000 kekosongan jawatan** kepada graduan UiTM dan komuniti setempat. Satu peluang yang pastinya sangat bermakna buat kami di UiTM.

### **Hadirin sekalian,**

4. Pada Konvokesyen ke-96 akan datang, dianggarkan seramai **31,000** ribu graduan UiTM akan menembusi pasaran pekerjaan. Justeru, melalui penganjuran program sebegini, ia dapat membantu graduan UiTM mendapatkan peluang pekerjaan yang merentasi pelbagai sektor dengan mudah dan berkesan.

5. Pada masa yang sama, para graduan UiTM turut disarankan untuk menjalankan perniagaan dan seterusnya bergelar usahawan. Ini kerana, kejayaan kebolehpasaran graduan bukan sahaja dilihat melalui keupayaan mendapat pekerjaan malah mampu menjana pendapatan sendiri.

6. **Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021 hingga 2025** memberikan fokus kepada Universiti penglibatan dengan pihak industri dan komuniti. Selari dengan itu, UiTM mengorak langkah memperhebat jaringan kolaborasi dengan pihak industri bukan sahaja di peringkat tempatan malah, antarabangsa.

## **Tuan-tuan dan puan-puan,**

7. Sebagai rakyat Malaysia, kita berterima kasih kepada pihak kerajaan yang memahami kehendak graduan untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian. Pelbagai insentif dan inisiatif diperkenalkan bagi meningkatkan taraf kehidupan generasi muda untuk mengurangkan kadar pengangguran dan sekali gus memulihkan semula sektor ekonomi negara. Program Karnival Graduan ini dilihat selari dengan hasrat kerajaan dan menjadi wadah pengembangan ilmu pengetahuan.

## **Para hadirin sekalian,**

8. PTAR kini, bukan sahaja memberikan berperanan sebagai penyaluran sumber maklumat dalam menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada warga UiTM, malah peranannya diperluas kepada konsep pembelajaran sepanjang hayat kepada komuniti.

9. Saya percaya atas rasa tanggungjawab ini, PTAR kini lebih proaktif untuk menjadikan perpustakaan sebagai setelit hub maklumat kepada warga dan komuniti. Komitmen ini kita dapat lihat dengan adanya penyediaan ruang **Library Community Engagement** yang bertujuan untuk membuka seluas-luasnya jalinan kerjasama dengan pihak industri dalam penganjuran program kepada komuniti.

10. Semoga pelbagai aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tiga hari program ini berlangsung dapat memberikan manfaat kepada semua pengunjung. Tidak hanya tertumpu kepada sesi temuduga, malah lain-lain perkongsian maklumat mengenai skim-skim yang ditawarkan oleh pihak PERKESO.

11. Aktiviti sebegini harus diteruskan dengan menggalakkan keterlibatan pelbagai pihak. Saya menyokong penuh peranan perpustakaan untuk menjadi satelit hab maklumat dalam penyebaran maklumat yang strategik dan harus dipanjangkan kepada semua perpustakaan UiTM.

12. Sekali lagi saya merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih kepada Perpustakaan UiTM, PERKESO Negeri Selangor, pihak industri, pelajar, komuniti serta semua yang hadir menjayakan Program Kerjaya Graduan. InsyaAllah kerjasama murni ini akan berterusan pada masa akan datang. Semoga usaha yang baik ini mendapat keredhaan Allah SWT.

13. Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’, saya dengan ini merasmikan Majlis **Penutup Program Kerjaya Graduan** anjuran PTAR dan PERKESO Negeri Selangor.

Sekian, terima kasih.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.**